



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 8 January 2016

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	RM10 juta peruntukan tambah sedia bas percuma di Selangor
Muka Surat	:	25



PERKHIDMATAN Bas Smart Selangor bakal diperluaskan ke kawasan pinggir bandar seperti Selayang, Kuala Kubu Bharu dan Sabak Bernam menjelang akhir tahun ini. - UTUSAN/SHAIKUDIN MOHD NOR

RM10 juta peruntukan tambahan sedia bas percuma di Selangor

AMPANG JAYA 7 Jan. - Kerajaan negeri Selangor akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta bagi memperluaskan perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan pinggir dan luar bandar seperti di Selayang, Kuala Kubu Bharu dan Sabak Bernam menjelang akhir tahun ini.

Menteri Besarinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah itu dapat menyepadukan seluruh perkhidmatan pengangkutan awam di Selangor secara lebih efektif dan berkesan dengan kadar tambang yang berpatutan.

"Kerajaan negeri mahukan nisbah ini disemak semula dengan nisbah penggunaan pengangkutan awam ditingkatkan kepada 60:40 (pengangkutan awam : kenderaan sendiri) berbanding sebelum ini 40:60.

"Saya berharap bas percuma ini akan memberi manfaat kepada penduduk terutamanya mereka yang menggunakan pengangkutan awam untuk urusan harian sekali gus dapat mengurangkan kos sara



Saya mengharapkan bas percuma ini akan memberi manfaat kepada penduduk terutamanya mereka yang memerlukan pengangkutan awam untuk aktiviti seharian sekali gus dapat mengurangkan kos sara hidup."

MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Besar

hidup," katanya dalam sidang akbar selepas melancarkan Bas Smart Selangor yang menghubungkan antara Jalan Ukay Perdana dan Jalan Melawati di sini.

Dalam pada itu, Mohamed Azmin berkata, sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk

tujuan penyediaan kemudahan tersebut di dua kawasan iaitu di Ampang dan Kajang.

Bagaimanapun menurutnya, jumlah tersebut akan melibatkan peruntukan tambahan lain untuk diperluaskan ke kawasan-kawasan pedalaman berhampiran.

Katanya, perkhidmatan bas yang menghubungkan antara Jalan Ukay Perdana dan Jalan Taman Melawati sejauh 18 kilometer itu melibatkan kekerapan 15 dan 20 minit sehari.

"Bas ini juga akan melalui Jalan Ukay Perdana, Jalan Sungai Sering, Jalan Mulia 1/1 dan Jalan Riana Ukay.

"Turut terlibat Jalan Riana Ukay 1, Jalan Ukay Indah, Lorong Sering 5, Jalan AU 4/2, Jalan AU 5, Persiaran Permata dan Jalan Taman Melawati," ujarnya.

Bas yang beroperasi pada pukul 6 pagi hingga 10 malam setiap hari dengan kapasiti 60 penumpang itu dilengkapi kemudahan WiFi, sistem kamera litar tertutup dan mesra golongan kurang upaya (OKU), katanya.